

SANTAPAN ROHANI, PENGUBAT JIWA

Mastika Hadith

Rasulullah SAW bersabda (yang artinya) : "Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dan meneruskannya dengan enam hari di bulan Syawal, maka (pahalanya) seolah-olah berpuasa selama setahun" (Hadis Riwayat Imam Muslim. Kitab Puasa).

Hadis ini menjadi hujjah kepada para ulama khususnya dan umat Islam seluruhnya untuk mengamalkan puasa sebanyak enam hari di bulan Syawal setelah menunaikan puasa bulan Ramadhan sebulan penuh.

Di dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menyatakan bahwa puasa enam hari setelah bulan Ramadhan akan diganjar pahala seolah-olah berpuasa selama setahun. Para ulama menguraikan rahasia di balik ganjaran tersebut dengan menyampaikan dalil bahwa setiap amalan kebaikan manusia akan diganjar sebanyak 10 kali lipat. Puasa 30 hari di bulan Ramadhan diganjar sebanyak 300 hari, sedangkan puasa enam hari di bulan Syawal juga diganjar dengan 60 hari. Jika diperkirakan jumlahnya 360 hari, jumlah ini hampir menyamai jumlah hari di dalam setahun sebanyak 360-365! Subhanallah. Dan sesungguhnya Allah berhak untuk memberikan ganjaran sebanyak yang dikehendakiNya.

Bicara Ad-Din

Amalan sunat pada 1 Syawal seperti :

- a) Membayar zakat fitrah sebelum menunaikan Solat Aidil Fitri
- b) Menghias diri dan tempat tinggal supaya kelihatan bersih dan cantik
- c) Mendi Sunat Aidilfitri pada pagi harinya
- d) Menjamah sedikit makanan sebelum keluar menuju masjid
- e) Keluar menuju ke masjid dengan satu jalan dan bila pulang menggunakan jalan yang lain
- f) Lebih afdal dengan berjalan kaki ke masjid
- g) Mengumandangkan takbir, tahmid dan tahlil bermula malam 1 Syawal hinggalah terbenam matahari pada hari raya tersebut.

Amalan sunat di bulan Syawal :

Berpuasa 6 hari dalam bulan Syawal (Sunat Syawal) Rasulullah saw bersabda yang maksudnya " Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dan kemudian diikuti dengan 6 hari di bulan Syawal maka perumpamaannya seperti ia berpuasa sepanjang tahun."

Mutiara Hikmah

Berbahagialah orang yang dapat menyalahkan dirinya sendiri sebelum menyalahkan orang lain.

Soal Jawab Agama

Soalan; Bolehkah puasa qada dilakukan bersama puasa sunat iaitu, Qada Ramadhan dan juga puasa sunat, contohnya puasa sunat enam yang mana niat qada ramadhan dahulu diikuti dengan puasa enam, contohnya "Sahaja aku berpuasa esok hari, Qada Ramadhan and puasa sunat enam kerana Allah Taala"?

Jawapan; Ya. Harus diniatkan sekali. Namun jika mampu memisahkannya –yakni melakukan puasa secara berasingan– itu yang sebaik-baiknya. Apabila berlaku pertembungan antara puasa Qadha dan puasa enam, kita boleh memilih seperti berikut;
a) Yang terbaik ialah kita menyelesaikan dahulu puasa qadha, kemudian diikuti dengan puasa enam.
b) Jika kita tidak mampu puasa kedua-dua sekali dalam bulan Syawal, harus kita mendahulukan puasa enam di bulan Syawal, adapun puasa Qadha kita lakukan pada bulan-bulan lain.
c) Jika kita tidak mampu berpuasa kedua-duanya secara berasingan, harus kita meniatkan kedua-duanya dalam satu puasa. Malah sebahagian ulamak berkata; jika seseorang berpuasa dengan niat qadha dalam bulan Syawal, otomatik akan dapat untuknya pahala puasa enam sekalipun tanpa ia meniatkannya kerana yang diperkira ialah wujudnya sebarang puasa dalam bulan Syawal itu.

Anda mempunyai kemusykilan agama?

Sila Hubungi Us. Abd Malek Bin Ramli
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
di talian 03-88 71 3540